

## Masyarakat Bengkulu Di Malaysia

Nor Mizan Adilla Mohd Sobri  
Siti Nur Izzati Raihan  
Irwan Kamaruddin Abdul Kadir  
Alwi Mohd Yunus

**Fakulti Pengurusan Maklumat**  
**UITM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**  
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

### **ABSTRAK**

*Kajian ini adalah tentang masyarakat Bengkulu di Kampung Padang Behrang Stesen, Perak. Malaysia sememangnya terkenal dengan kepelbagaian etnik dan budaya dan masyarakat Bengkulu merupakan salah satu masyarakat minoriti yang wujud di Malaysia. Kajian ini dijalankan bagi mengkaji asal usul dan faktor penghijrahan masyarakat Bengkulu ke Malaysia. Masyarakat Bengkulu ini berasal daripada Sumatera Indonesia. Namun, diatas desakan hidup masyarakat ini berhijrah ke Malaysia bagi meneruskan kehidupannya disini. Selain itu, kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti budaya dan ekonomi masyarakat Bengkulu. Masyarakat ini mempunyai pelbagai budaya unik yang perlu diperkenalkan seperti tarian, makanan, bahasa, pakaian dan lain - lain. Ekonomi yang dijalankan oleh masyarakat Bengkulu adalah seperti pertanian, perdagangan, perladangan dan lain - lain. Kajian ini turut dilakukan bagi menganalisis cabaran - cabaran yang dihadapi oleh masyarakat ini dalam memastikan masyarakat ini terus dikenali. Oleh itu, kajian ini adalah penting bagi memperkenalkan masyarakat ini kepada masyarakat lain agar warisan yang dimiliki tidak dilupakan.*

**Kata kunci** : Bengkulu, Serawai, Bulang, Rebana, Tat Bengkulu dan Tarian Bubu

### **ABSTRACT**

*This study is about the Bengkulu community in Kampung Padang Behrang Station, Perak. Malaysia is well known for its ethnic and cultural diversity and the Bengkulu community is one of the minority communities that exist in*

*Malaysia. This study was conducted to study the origin and factors of migration of the people of Bengkulu to Malaysia. The people of Bengkulu are from Sumatra Indonesia. However, due to the pressure of life, this community migrated to Malaysia to continue his life here. In addition, this study was conducted to identify the culture and economy of the Bengkulu community. This society has a variety of unique cultures that need to be introduced such as dance, food, language, clothing, and others. The economy run by the community of Bengkulu is like agriculture, trade, plantations, and others. This study is also done to analyze the challenges faced by this community in ensuring that this community continues to be known. Therefore, this study is important to introduce this community to other communities so that the heritage they have is not forgotten.*

**Keywords:** *Bengkulu, Serawai, Bulang, Rebana, Bengkulu Tart and Bubun Dance*

## **PENGENALAN**

Malaysia terkenal dengan pelbagai etnik, kaum dan bangsa daripada pelbagai latar belakang. Hal ini berlaku akibat penghijrahan etnik-etnik semasa sebelum merdeka lagi. Umum kita mengetahui bahawa antara kaum yang terdapat dalam negara kita seperti Melayu, India, Cina dan etnik yang berasal daripada Sabah dan Sarawak seperti Bajau, Murut, Kadazan dan sebagainya. Di samping itu terdapat juga etnik kaum yang kita sendiri tidak mengetahui mengenai kewujudannya. Terdapat etnik yang lain yang berasal dari negara jiran seperti Indonesia, Filipina dan Thailand. Mereka telah wujud sejak zaman nenek moyang kita dahulu lagi. Generasi dan etnik-etnik mereka masih ada sehingga ke hari ini. Antara contoh etnik yang berasal daripada negara jiran ialah Jawa, Banjar, Pattani, Minangkabau dan sebagainya. Walaupun di Malaysia kita hidup dalam pelbagai etnik dan budaya, masalah atau pertelingkahan antara kaum jarang kita dengari. Shamsul Amri (2012) menyatakan bahawa kesepaduan sosial di antara masyarakat Malaysia telah lama wujud. Pembentukan negara bangsa juga menjadi aspek utama dengan ciri-ciri khas yang terjadi daripada proses perkongsian sejarah bersama yang dilalui. Malaysia merupakan negara yang bersatu-padu, saling hormat-menghormati dan hidup dalam keadaan harmoni dan aman.

Umum kita mengetahui bahawa terdapat kaum lain yang kebanyakannya dari masyarakat Malaysia yang tidak diketahui secara terperinci mengenai masyarakat tersebut seperti Masyarakat Bengkulu. Hal demikian kerana terdapat kurangnya kajian mengenai masyarakat minoriti di Malaysia yang menyebabkan mereka tidak mengetahui mengenai kewujudan masyarakat minoriti ini. Masyarakat atau kaum Bengkulu ini merupakan masyarakat minoriti yang menetap di Malaysia. Kita sedia maklum bahawa terdapat masyarakat lain yang menetap di Malaysia terutamanya masyarakat Jawa, Banjar, Patani dan sebagainya dan kita sering dengar tentang masyarakat-masyarakat ini. Masyarakat Bengkulu berasal dari sebuah daerah atau provinsi yang terletak di Sumatera. Menurut Rahim (2020) menyatakan bahawa seperti masyarakat lainnya masyarakat Bengkulu ini berhijrah di Tanah Melayu sekitar tahun awal 1900-an sebelum zaman penjajahan.

### **Sejarah Kedatangan Masyarakat Bengkulu Ke Malaysia**

Masyarakat Bengkulu ini berhijrah ke Malaysia atas faktor ekonomi disebabkan ekonomi di provinsi Bengkulu tidak stabil mereka telah mengambil keputusan untuk berhijrah ke Malaysia. Menurut Rahim (2020) mereka datang ke Tanah Melayu dengan menaiki kapal besar untuk ke Pelabuhan Klang ini kerana Pelabuhan Klang merupakan pelabuhan yang terkenal di mata dunia pada ketika dahulu. Masa perjalanan mereka dari Bengkulu ke Tanah Melayu pada ketika itu dalam dua ke tiga minggu. Sampai sahaja di Malaysia mereka berpecah pergi ke kawasan yang diingini. Menurut Rahim (2020) menyatakan bahawa seperti masyarakat lain nya masyarakat Bengkulu ini berhijrah di Tanah Melayu sekitar tahun awal 1900-an iaitu pada zaman sebelum penjajahan di Tanah Melayu. Mereka menjalankan kehidupan di Malaysia seperti orang masyarakat yang lain nya. Menurut Rahim (2020) masyarakat ketika dahulu datang ke kampung dan diracik-racik nya tanah untuk mereka membina rumah atau menjalankan kegiatan ekonomi seperti bercucuk tanam dan sebagainya.

Seterusnya, umum mengetahui bahawa ketahui sebut sahaja Melayu atau serumpun dengannya sudah mesti terkenal dan kaya dengan adat istiadat dan budaya hal demikian juga sama seperti masyarakat Bengkulu ini. Tambahan pula, jika masyarakat lain seperti Banjar mempunyai bahasa yang tersendiri, masyarakat Bengkulu ini juga mempunyai pertuturan mereka yang tersendiri yang digunakan untuk bertutur sesama mereka. Terdapat juga orang-

orang yang terkenal di Negara ini yang merupakan bangsa Bengkulu. Oleh itu kajian yang pengkaji jalankan sangat penting bagi memperkenalkan masyarakat ini di dalam Negara ini sekaligus kajian ini merupakan kajian yang sangat bernilai kerana masyarakat ini memiliki banyak keunikan yang tersendiri yang kita juga tidak mengetahui.

Di samping itu, di Malaysia terdapat beberapa kawasan yang merupakan penempatan masyarakat Bengkulu contohnya seperti di Kampung Bangka Hulu, Gemas, Negeri Sembilan, Kampung Sungai Choh, Rawang, Selangor, Kampung Sungai Kembong Hulu, Semenyih, Selangor. Seterusnya untuk konteks ini, kajian ini dijalankan di Kampung Padang, Behrang Station, Perak di sini terdapat banyak masyarakat Bengkulu. Kebanyakan dari mereka telah berhijrah ke kampung atas pelbagai faktor diantaranya disebabkan faktor ekonomi dan sebagainya. Diantara ramai-ramai masyarakat Bengkulu terdapat seorang tokoh dari masyarakat ini yang mempunyai pengetahuan yang luas tentang masyarakat ini iaitu En Rahim bin Nawas yang merupakan anak jati masyarakat Bengkulu ini.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Malaysia mempunyai pelbagai suku kaum di Malaysia seperti Banjar, Jawa dan lain- lain. Salah satunya ialah masyarakat yang dipanggil "Bengkulu". Masyarakat ini adalah masyarakat minoriti yang wujud di Malaysia. Oleh itu, masyarakat ini kurang dikenali di negara ini. Masyarakat Bengkulu ini perlu terus diperkenalkan kerana masyarakat ini mempunyai pelbagai ciri-ciri unik dari segi adat, budaya dan warisan. Kajian ini dijalankan kerana kurangnya kajian dan rujukan mengenai masyarakat ini. Hal ini juga bagi memperkenalkan masyarakat ini kepada rakyat Malaysia terutama kepada generasi muda.

Terdapat pelbagai budaya yang diamalkan oleh masyarakat Bengkulu ini. Tetapi adat dan budaya ini semakin berkurangan atau semakin luntur dalam masyarakat Bengkulu ini sendiri. Hal ini kerana masyarakat zaman kini lebih terpengaruh dengan adat dan budaya masyarakat di Malaysia akibat daripada perkahwinan campur dan kawasan persekitaran. Salah satu budaya kesenian masyarakat Bengkulu adalah Sarafal Anam. Nipi Antri Yuspita (2019) menyatakan kesenian Sarafal Anam yang merupakan salah satu bentuk kesenian yang dilagukan dengan irama melayu atau irama kasidahan. Perkara

ini berunsurkan agama seperti pujian-pujian kepada Nabi atau Rasul. Kesenian ini datang beriringan dengan perkembangan agama Islam di Bengkulu. Generasi baru daripada masyarakat ini sendiri kurang berminat untuk mengenali dan mengamalkan adat dan budaya masyarakat Bengkulu ini. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengkaji mengenai adat dan budaya masyarakat Bengkulu ini agar diperkenalkan kepada masyarakat lain.

Berdasarkan beberapa rujukan yang dilakukan, pengkaji mendapati kebanyakan generasi muda dari kalangan masyarakat Bengkulu tidak begitu diminati dan mempunyai pengetahuan yang luas mengenai adat dan budaya masyarakat ini. Razali (2009) menyatakan bahawa masyarakat Bengkulu di Malaysia kini sudah sampai ke generasi kelima, tetapi yang mengenali secara meluas masyarakat ini hanya sehingga generasi ketiga. Masyarakat seterusnya sudah mula tidak mengenali adat dan budaya masyarakat ini. Oleh itu kajian ini dilakukan bagi menarik minat dan mengumpulkan beberapa maklumat mengenai masyarakat ini yang boleh dijadikan rujukan kepada generasi muda.

#### **OBJEKTIF KAJIAN**

Antara objektif kajian ini adalah untuk mengkaji asal usul dan faktor penghijrahan masyarakat Bengkulu ke Malaysia. Seterusnya, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti budaya dan ekonomi masyarakat Bengkulu. Akhir sekali, kajian ini dilakukan untuk menganalisis cabaran - cabaran yang dihadapi oleh Masyarakat Bengkulu.

#### **PERSOALAN KAJIAN**

Persoalan kajian ini adalah untuk mengetahui apakah asal-usul dan faktor penghijrahan masyarakat Bengkulu ke Malaysia? Seterusnya, apakah adat dan budaya masyarakat Bengkulu yang masih diamalkan pada masa dahulu dan pada masa kini? Akhir sekali, kajian ini dijalankan untuk mengetahui apakah cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Bengkulu dalam mengekalkan jati diri masyarakat Bengkulu pada generasi muda?.

## **KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

Kepentingan dan sumbangan kajian yang dijalankan mengenai Masyarakat Bengkulu di Kampung Padang Behrang Stesen ialah untuk membuka minda masyarakat diluar sana bahawa terdapat masyarakat minoriti yang wujud di Malaysia. Selain itu, kepentingan dan sumbangan kajian ini adalah untuk memberi ilmu dan pengetahuan mengenai adat, budaya dan tradisi masyarakat Bengkulu pada generasi yang akan datang terutamanya pada generasi muda yang datang dari masyarakat ini sendiri hal demikian kerana kebanyakan generasi muda tidak mempunyai pengetahuan mengenai masyarakat khususnya dari segi budaya dan tradisi. Di samping itu, kajian ini juga dapat dijadikan bahan rujukan dan penyelidikan pada para pelajar dan penyelidik di luar sana oleh itu mereka dapat menambahkan informasi dan pengetahuan khusus dalam konteks budaya dan tradisi masyarakat Bengkulu di Malaysia.

## **TINJAUAN LITERATUR**

Masyarakat Bengkulu ini berasal daripada Sumatera Indonesia. Pada tanggal 24 Jun 1685, Masyarakat Bengkulu di Sumatera Indonesia telah didatangi oleh Kolonial Inggeris bagi tujuan menjajah kawasan tersebut. Inggeris telah memonopoli perdagangan dan kekuasaan di daerah Bengkulu di Sumatera Indonesia. Menurut Redo Januario (2019) menyatakan pada tahun 1710 pihak Inggeris telah mengundang Pangeran Jenggalu ke Benteng York. Namun, apabila Pangeran Jenggalu sampai kesana, beliau langsung ditangkap dan dibunuh. Para pengikutnya juga telah ditangkap dan dipenjarakan. Ahli keluarga pangeran tersebut telah diusir keluar daripada kampung. Mereka telah berpindah ke kawasan pedalaman. Oleh sebab itu, berlakunya pelbagai kekerasan dan desakan hidup yang menyebabkan penghijrahan masyarakat Bengkulu ke Malaysia. Astro Awani (2019) juga menyatakan masyarakat Bengkulu mula berhijrah ke negara ini sejak kurun ke 17 hingga 19 lagi dari kawasan Bengkahulu di Sumatera Barat.

Masyarakat Bengkulu ini mempunyai pelbagai bahasa, menurut Edi Hermansyah (2012), melalui pergaulan dan hidup bermasyarakat seperti menjalankan perniagaan di pasar dan bertutur menggunakan bahasa penghantar, masyarakat Bengkulu ini telah menggunakan bahasa Melayu

Bengkulu sebagai alat komunikasi. Masyarakat Bengkulu ini juga telah menggunakan bahasa kawasan atau daerah tertentu. Antara suku bahasa yang digunakan ialah bahasa Serawai, bahasa Rejang, bahasa Jawa, bahasa Lembak dan lainnya. Hassan dan Rasdi (2012) menegaskan bahawa penggunaan bahasa menggunakan pelbagai strategi telah menunjukkan pelbagai nilai sosial dan kebudayaan yang diterapkan di dalam sesuatu masyarakat tersebut.

Masyarakat Bengkulu ini juga mempunyai pelbagai adat dan budaya seperti tarian, makanan tradisional dan sebagainya. Adat dan budaya masyarakat ini kebanyakannya sememangnya dibawa dari Sumatera Indonesia ke Malaysia. Salah satu budaya yang dibawa ke Malaysia ialah semasa majlis perkahwinan akan adanya perarakan ke rumah pengantin perempuan dan upacara Memecah Nasi. Menurut Zurifah (2018) menyatakan Memecah Nasi atau dipanggil Napa merupakan fasa yang penting untuk diadakan semasa upacara perkawinan suku Lembak. Upacara ini diadakan pada waktu malam hari dengan Rebana ditabuhkan dan ayat daripada Kitab Berzanji dibacakan. Semua upacara ini mempunyai makna yang tersirat kepada masyarakat ini. Namun, diatas faktor demografi masyarakat Bengkulu ini, mereka telah menerima banyak pengaruh daripada masyarakat di Malaysia.

Kebanyakan masyarakat Bengkulu di Malaysia menganuti agama Islam. Hal ini adalah disebabkan masyarakat ini menerima pengaruh daripada masyarakat Melayu. Selain itu, sebelum penghijrahan mereka ke Malaysia, masyarakat ini telah menerima pengaruh Islam. Herlambang (2012) menyatakan pada pertengahan abad XVI, kerajaan-kerajaan kecil di daerah Bengkulu di Sumatera Indonesia telah mula berada di bawah kekuasaan Kerajaan Banten dan menerima pengaruh dari Kerajaan Aceh dari utara melalui hubungan perdagangan seperti perdagangan lada. Maka, sejak itu agama Islam telah masuk dan tersebar ke Bengkulu dan majoriti masyarakat Kota Bengkulu telah memeluk agama Islam.

Masyarakat ini juga mempunyai pelbagai makanan tradisional. Salah satu daripadanya ialah kuih Tat Bengkulu. Astro Awani (2019) menyatakan salah satu tradisi Bengkulu yang masih kekal hingga ke hari ini ialah Tat Bengkulu. Kuih tersebut berintikan kelapa gula merah. Kuih tat ini mempunyai pelbagai bentuk namun lazimnya berbentuk daun dan dimasak menggunakan

dapur kayu api. Kuih ini memiliki keistimewaan tersendiri daripada segi bentuk dan teksturnya. Bagi mengekalkan keasliannya kuih tat ini dihasilkan secara tradisional.

Masyarakat Bengkulu ini terkenal dengan sifat tolong-menolong antara satu sama yang lain. Menurut Herlambang (2012) masyarakat ini mempunyai satu gagasan iaitu yang suka akan sifat saling bantu- membantu. Perkara ini dilandasi oleh sistem kekerabatan. Gagasan ini adalah penting bagi saling membantu dalam masyarakat dan hal ini diwujudkan dalam gotong royong atau dalam bahasa Bengkulu disebut menyerayo. Antara jenis gotong royong adalah seperti gotong royong dalam bidang perikanan, bidang pertanian iaitu menanam padi bersama-sama, membantu mendirikan rumah atau rumah ibadah, membantu dalam menjayakan upacara adat seperti perkawinan, kematian dan sebagainya. Bagi melaksanakan gotong royong ia mempunyai dua cara iaitu melalui mufakat Adik Sanak dan mufakat Rajo Penghulu. Sifat dan adat ini telah dibawa daripada negara asalnya iaitu Sumatera Indonesia oleh Masyarakat Bengkulu. Walaupun telah berhijrah ke Malaysia, sifat tolong menolong ini masih tersemat dan diteruskan dalam masyarakat Bengkulu.

## **METODOLOGI**

Penyelidik menjalankan kajian menggunakan kaedah kualitatif iaitu secara temubual yang dijalankan selama tiga jam. Dalam konteks ini pengkaji telah menemu bual tokoh yang telah dipilih yang mempunyai banyak pengetahuan mengenai masyarakat ini. Tokoh ini merupakan generasi ketiga setelah penghijrahan setelah datuk dan ayahnya serta masyarakat Bengkulu yang lainnya berhijrah ke Malaysia. Di samping itu, tokoh ini iaitu En Rahim bin Nawas sangat berpengetahuan dalam konteks adat dan budaya masyarakat Bengkulu. Maka, maklumat yang pengkaji perolehi juga adalah sah kerana beliau merupakan anak jati masyarakat ini. Tambahan pula, beliau merupakan keturunan asli daripada masyarakat ini dan tidak mempunyai campuran darah dari masyarakat lain. Oleh sebab itu, En Rahim sangat berpengetahuan luas tentang masyarakat ini.

Sejarah lisan merupakan suatu kaedah yang digunakan untuk merakam kenangan, pengalaman, lagenda sesuatu tokoh itu dengan cara mengadakan temubual. Data and maklumat akan diambil daripada tokoh yang telah ditemual



itu tadi sebagai bahan penyelidikan. Dalam kajian kami mengenai masyarakat Bengkulu di Kampung Padang, kami mengambil tokoh ini untuk di temubual kerana tokoh ini merupakan generasi yang ketiga selepas masyarakat Bengkulu ini berpindah di Malaysia. Disamping itu tokoh ini iaitu Encik Rahim Bin Nawas mempunyai banyak pengetahuan yang luas mengenai latar belakang, adat dan budaya masyarakat oleh yang demikian kami mengambil tokoh ini untuk di temubual. Selain itu tokoh ini, iaitu Encik Rahim bin Nawas dilahirkan pada pada 5 Julai 1946, beliau merupakan keturunan yang asli dari etnik masyarakat Bengkulu.

Temubual ini dijalankan di rumah beliau sendiri iaitu di Kmapung Padang Behrang Stesen untuk pengetahuan Kampung Padang antara kawasan yang dihuni oleh masyarakat Bengkulu ini. Temubual dijalankan selama tiga jam, kami telah menyediakan senarai soalan yang berkaitan topik atau isu untuk bertanyakan tokoh ini. Data yang diperolehi dari temubual itu tadi akan ditranskrip dan dijadikan sebagai rujukan dan penyelidikan. Di samping itu, kajian ini dijalankan secara bersemuka bagi memudahkan lagi proses pengumpulan data dan rakaman tokoh ini tanpa sebarang masalah teknikal.

## **HASIL KAJIAN**

### **Tarian Dan Alatan Muzik**

Masyarakat Bengkulu ini juga mempunyai tarian yang tersendiri walaupun terdapat pengaruh Melayu tarian ini merupakan adat mereka pada ketika dahulu. Kebanyakan tarian ini selalunya dipersembahkan pada majlis perkahwinan. Di samping itu, tarian ini diadakan dalam majlis perkahwinan dengan tujuan untuk memeriahkan perkawinan tersebut. Menurut Rahim (2020) menyatakan bahawa terdapat dua tarian yang popular yang sering dipersembahkan semasa majlis perkahwinan iaitu Tarian Piring dan Tarian Bubu. Tarian-tarian ini merupakan tarian yang berasal dari Bengkulu dan mereka membawa tarian ini semasa mereka berhijrah di Malaysia. Selain itu sebut sahaja tentang tarian mesti mempunyai cara tarinya yang tersendiri seperti Tarian Piring mereka menggunakan piring kecil lalu mereka memakai cincin batu jala dan diletakkan pada jari manis mereka lalu mereka melagakan cincin jala tadi ke piring tersebut untuk menghasilkan bunyi yang menarik. Menurut Rahim (2020) menyatakan bahawa kebanyakan yang

menarik tarian ini adalah perempuan dan mereka mencipta lagu mereka yang tersendiri bersesuaian dengan sesuatu majlis seperti majlis perkahwinan dan sebagainya. Di samping itu, semakin ramai orang yang menari dalam tarian ini semakin merdu bunyi petikan piring kaca itu. Walaupun bagaimanapun tarian ini makin lama makin hilang ditelan dek zaman.

Seterusnya tarian yang dikenali sebagai Tarian Bubu juga merupakan antara tarian yang terkenal dalam masyarakat Bengkulu tarian ini juga biasanya dipersembahkan pada majlis perkahwinan dan majlis-majlis yang tertentu bagi memeriahkan lagi majlis tersebut. Bubu adalah sejenis peralatan yang digunakan oleh orang kampung atau orang zaman dahulu untuk menangkap ikan di sungai. Selain menangkap ikan masyarakat ini menggunakan bubu sebagai alatan dalam tarian mereka. Tarian ini dipersembahkan dengan cara, mereka duduk sambil menggoyangkan bubu tersebut ke kiri dan kanan semakin lama semakin laju pergerakan bubu tersebut. Menurut Rahim (2020) beliau menjelaskan tarian bubu ini mempunyai unsur-unsur mistik yang menyebabkan bubu ini akan bergerak dengan sangat pantas tanpa kita sedari. Walau bagaimanapun, tarian ini hanya sekadar hiburan dan tidak mempunyai unsur pemujaan



Gambar 1: menunjukkan salah satu contoh bubu

Di Malaysia terkenal dengan pelbagai peralatan muzik sama seperti dengan etnik-etnik yang lain nya mereka mempunyai peralatan muzik mereka yang tersendiri. Bengkulu juga mempunyai alatan muzik mereka yang tersendiri iaitu Rebana seperti yang kita tahu di Malaysia juga terdapat alatan muzik salah satu daripada nya adalah Rebana. Masyarakat Bengkulu ini menggunakan Rebana sebagai alatan muzik yang utama dalam membuat sesuatu

persembahan. Menurut Rahim Nawas (2020) Rebana ini sering digunakan dalam majlis-majlis keagamaan seperti majlis Maulidulrasul, majlis cukur jambul dan sebagainya. Dalam majlis-majlis ini Rebana akan dimainkan sambil diiringi dengan selawat ke Nabi Muhammad S.A.W dan berzanji. Menurut Nipi Antri Yuspita (2019) menyatakan bahawa kesenian Sarafal Anam yang merupakan antara bentuk kesenian yang dilagukan dengan irama Qasidah dan Melayu, yang mempunyai nilai agama seperti pujian-pujian kepada Rasulullah. Kesenian ini datang seiringan dengan perkembangan agama Islam di Bengkulu. Selawat-selawat ini akan dinyanyikan seiring dengan pukulan Rebana. Selain itu dilupa juga di dalam majlis perkahwinan Rebana ini akan dipersembahkan selalunya Rebana akan dimainkan selepas waktu Zohor dan pada waktu malam pula selepas waktu Isyak. Selain itu, tujuannya akan bagi memeriahkan lagi suasana sesuatu majlis dengan alunan-alunan Rebana dan selawat-selawat ke atas junjungan besar nabi Muhammad S.A.W. Rebana terdapat banyak di Bengkulu Rebana ini diperbuat daripada kulit kambing dan pangkal pokok Kelapa, untuk membuat bunyi alunan yang merdu yang hadir daripada Rebana oleh yang demikian, Rebana mestilah diperbuat daripada bahan tersebut. Rebana ini juga selalu dibuat oleh sesetengah individu yang mahir dan mempunyai ilmu pengetahuan dalam alat muzik ini sahaja.

### **Seni Ukiran Dan Kerajinan**

Seni ukiran merupakan seni yang menunjukkan kekreatifan sesuatu etnik, seni ukiran ini selalunya terdapat di rumah, bangunan, masjid dan sebagainya. Begitu juga masyarakat Bengkulu ini mereka juga pandai melakukan seni ukiran mereka tersendiri. Menurut Rahim (2020) menyatakan bahawa masyarakat ini pada kebiasaannya membuat seni ukiran ini pada rumah mereka sendiri. Mereka akan membuat seni ukiran pada Papan Pemanis yang berada dirumah mereka. Papan Pemanis ialah sekeping papan terakhir yang dihujung atap pada rumah-rumah lama pada zaman dahulu, Konsep seni ukiran ini adalah konsep semulajadi seperti bulan sabit, bintang, daun, bunga dan sebagainya. Mereka juga mempunyai tukang yang boleh melakukan ukuran ini pada zaman dahulu.

Di samping itu, seni kerajinan merupakan seni adalah seni yang dilakukan dengan menggunakan hasil tangan manusia. Seperti masyarakat yang lain, masyarakat ini juga mahir dalam seni kerajinan khususnya seni

bersulam. Menurut Rahim (2020) memberitahu bahawa kebanyakan perempuan dari masyarakat Bengkulu pandai bersulam demi untuk mengisi masa lapang mereka. Peralatan yang mereka gunakan untuk bersulam ialah Ram, benang bulu kambing atau benang biasa dan jarum jarum ini selalunya lebih besar dari kain biasa. Kebanyakan mereka menyulam untuk buat alas meja, alas televisyen, baju dan sebagainya. Kaum wanita dari masyarakat Bengkulu ini juga menggunakan benang biasa dan membuat corak flora seperti bunga-bunga dan dedaun pada kain kosong untuk memeriahkan lagi corak pada kain tersebut. Menurut Rahim (2020) menyatakan ada juga diantara mereka menjual sulaman ini kepada mereka yang menginginkan sulaman tersebut. Hal demikian dapat lah kita lihat bahawa masyarakat ini juga mempunyai pengetahuan yang luas dalam sulaman terutama kaum hawa.



Gambar 2: Menunjukkan ram peralatan yang digunakan untuk sulaman

### **Seni Persilatan Masyarakat Bengkulu**

Umum kita mengetahui bahwa seni persilatan merupakan sebuah seni mempertahankan diri daripada musuh atau persilatan ini juga boleh dijadikan persembahan pada majlis-majlis tertentu terutama di majlis perkahwinan. Sama seperti masyarakat Bengkulu mereka juga mempunyai seni silat tersendiri walaupun telah banyak menerima pengaruh Melayu. Menurut Rahim (2020) menyatakan setiap lelaki daripada masyarakat Bengkulu jika mereka ingin berkahwin mereka perlu belajar silat terlebih dahulu walaupun secara tidak mendalam hal ini kerana semasa dalam majlis perkahwinan nanti pengantin lelaki akan diminta untuk membuat persembahan silat nya terlebih dahulu barulah diiringi oleh masyarakat-masyarakat lainnya yang ingin membuat persembahan silat ini dinamakan sebagai Silat Pengantin. Sebagai contoh silat yang popular dalam majlis perkahwinan ialah Silat Bunga Telur menurut Rahim

(2020) sesiapa dalam kalangan mereka yang menghadiri majlis perkahwinan tersebut lalu menginginkan Bunga Telur. Juga, mereka perlu bersilat terlebih dahulu. Namun begitu budaya ini pada masa kini sudah lagi tidak diamalkan.

Selain itu, dalam masyarakat Bengkulu juga silat ini sering dipertandingkan di kampung-kampung bagi menunjukkan kehebatan masing. Mereka yang mahir bersilat secara tidak langsung akan bertanding dalam pertandingan bersilat, guru-guru dari setiap kampung akan turut serta menghadiri pertandingan ini. Menurut Rahim (2020) pertandingan silat pada kebiasaan berlangsung di gelanggang semua bersilat akan berlawan selama 10 ke 15 minit. Disamping itu, dalam pertandingan silat ini, akan mempunyai seorang pendamai iaitu tugasnya untuk mendamaikan para pesilat yang kadang kalanya mereka tidak sedarkan diri kerana silat ini mempunyai unsur-unsur mistik. Mereka juga ada menggunakan senjata seperti keris, pedang dan sebagainya akan tetapi akan ada pendamai untuk mengawal keadaan semasa pertandingan sedang berlangsung pada ketika itu supaya sebarang risiko kemalangan dapat dihindarkan. Walaupun masyarakat ini merupakan masyarakat minoriti namun mereka juga mahir dalam persembahan dan seni mempertahankan diri dalam persilatan.

### **Bahasa Masyarakat Bengkulu**

Bengkulu mempunyai pelbagai jenis dialek bahasa yang digunakan terutama semasa mereka berada di Sumatera. Setelah mereka berhijrah di Malaysia terdapat tiga jenis dialek bahasa Bengkulu yang sering digunakan oleh masyarakat ini di dalam pertuturan mereka sesama kaum Bengkulu. Mereka hanya bertutur bahasa ini apabila mereka bertemu dengan sesama kaum Bengkulu. Menurut Rahim (2020) menjelaskan bahawa terdapat tiga jenis bahasa Bengkulu yang digunakan di Malaysia iaitu Serawai, Bulang, Lembak. Jenis merupakan dialek yang berada di daerah Bengkulu sama seperti di Malaysia pertuturan akan dipengaruhi oleh dialek mengikut negeri. Menurut Rahim (2020), di kampung beliau menggunakan bahasa Serawai iaitu cara pertuturannya agak kasar dari yang lain. Di samping itu antara contoh dialog percakapan bahasa Serawai adalah “Kaban nak kemanoo”? Yang bermaksud “awak hendak pergi mana”?. Contoh perkataan Lembak pula “Nga nak kemane”? yang bermaksud “bermaksud awak hendak ke mana?”. Berbezaan antara dua dialek ini ialah Serawai cara percakapannya lebih kasar manakala

Lembak lebih lembut cara pertuturannya. Walaupun bagaimanapun kini kebanyakan generasi muda daripada masyarakat ini tidak mahir bertutur dalam Bahasa Bengkulu hal ini disebabkan oleh bahasa utama yang mereka gunakan adalah Bahasa Melayu.

### **Pendidikan Masyarakat Bengkulu Di Malaysia**

Pendidikan merupakan tunjang utama dalam melahirkan generasi yang berkemampuan kreatif dan inovatif justeru dari itu masyarakat Bengkulu juga tidak ketinggalan dari segi pendidikan mereka. Menurut Rahim (2020) mereka bersekolah di sekolah Melayu sama dengan dengan orang melayu, di sekolah mereka hanya belajar tiga perkara iaitu menulis, membaca dan mengira. Menurut Rahim (2020) menjelaskan bahawa pada zaman dahulu sekolah tidak dipanggil sebagai Sekolah Kebangsaan akan tetapi sekolah Melayu kerana semua yang bersekolah di sekolah berkenaan adalah Melayu dan tidak bercampur dengan Cina mahupun India. Namun setelah ini nama sekolah ditukarkan sebagai Sekolah Umum. Menurut Rahim (2020) menjelaskan bahawa pada zaman dahulu kerajaan baru hendak mewujudkan sekolah, pada zaman pemerintahan Jepun sekolah telah wujud tetapi disebabkan sistemnya pembelajaran dan persekolahan masih lagi tidak teratur oleh sebab itu, kebanyakan kanak-kanak yang tidak bersekolah pada ketika itu. Selepas tamat zaman sekolah kira-kira dalam usia lapan belas tahun kerajaan akan mengambil mereka ini bekerja sebagai askar, polis, pekerja kilang dan sebagainya.



Gambar 3: Menunjukkan sekolah Melayu pada zaman dahulu

## **Agama dan Upacara**

Menurut Rahim (2020) majoriti Masyarakat Bengkulu menganuti agama Islam. Masyarakat ini telah menerima pengaruh Islam sejak awal lagi. Herlambang (2012) menyatakan bahawa pada pertengahan abad XVI, kerajaan-kerajaan kecil di daerah Bengkulu di Sumatera Indonesia mula berada di bawah kekuasaan Kerajaan Banten dan sejak daripada itu agama Islam telah masuk dan tersebar ke Bengkulu dan majoriti masyarakat Kota Bengkulu telah memeluk agama Islam. Rahim (2012) menjelaskan hasil daripada pengaruh Islam, masyarakat ini mempunyai pelbagai upacara yang mempunyai unsur keagamaan seperti berzanji, Marhaban, cukur jambul dan lain-lain. Pada awal kemunculannya, semasa hari sambutan Maulidur Rasul, masyarakat ini mengadakan pelbagai upacara seperti cukur jambul. Sebelum upacara ini dijalankan kain hitam akan dianyam untuk dijadikan tali dan sambil dibacakan selawat dan tali tersebut akan diikat di kaki dan tangan bayi tersebut. Mengikut kepercayaan mereka hal ini dilakukan bagi menjauhkan pelbagai anasir yang negatif. Selepas itu, upacara akan dimulakan, tetamu yang hadir akan berselawat dan berdiri keliling didalam rumah dan bayi tersebut akan dibawa kepada mereka untuk digunting sedikit rambutnya sebelum dicukur sehingga botak. Hal ini kerana, rambut yang berasal daripada perut ibu dianggap tidak suci dan tidak boleh digunakan. Setelah itu, bayi tersebut akan dimasukkan kedalam buai yang diperbuat daripada kain batik lepas sambil diiringi oleh alunan selawat. Tetamu yang hadir akan dijamu makanan selepas upacara tamat. Upacara ini adalah salah satu upacara yang popular diadakan oleh masyarakat Bengkulu. Upacara - upacara yang diadakan oleh masyarakat ini dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim diantara mereka.

## **Makanan Tradisional**

Menurut Rahim (2020), masyarakat ini mempunyai pelbagai makanan tradisional. Antara makanan yang popular adalah Bebotok. Makanan ini diperbuat daripada ikan lama yang masih elok, kerisik, rempah dan garam. Selepas itu, ikan tersebut digaul bersama bahan lain dan dibungkus dengan daun keladi lalu direbus hingga masak. Selain itu, Candra (2020) menyatakan Lemang Tapai juga merupakan salah satu makanan tradisional masyarakat Bengkulu. Bahan asas bagi makanan ini ialah pulut, santan dan garam. Kesemua bahan ini akan dimasukkan kedalam buluh yang didalamnya sudah

terbungkus dengan daun pisang lalu dibakar diatas bara api sehingga masak. Setelah masak, lemang ini akan dimakan bersama tapai. Oleh itu, makanan ini dinamakan Lemang Tapai. Makanan ini kebiasaannya mendapat sambutan semasa perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri. Rahim (2020) menjelaskan kuih tat juga merupakan salah satu makanan tradisional masyarakat ini. Kuih Tat ini memiliki keistimewaan dari segi tekstur dan kebiasaannya dihidangkan di majlis - majlis seperti majlis keraian, perkahwinan dan lain - lain. Berita Harian (2016) menyatakan antara bahan asas bagi menghasilkan kuih Tat ini ialah tepung, telur, santan dan gula. Bahan - bahan ini akan diperap selama satu jam agar adunannya kembang sekata. Salah satu kesukaran dalam menghasilkan kuih tat ini ialah bahan asasnya tidak boleh keras atau terlalu lembut agar inti kelapa meresap dan sehati dengan adunan doh dan hal ini juga akan mempengaruhi keenakannya. Keenakannya yang asli ini adalah disebabkan oleh kuih ini tidak menggunakan bahan pengawet. Oleh sebab itu, kuih ini tidak dapat bertahan lama iaitu hanya diantara dua minggu sehingga sebulan sahaja. Rahim (2020) menyatakan kuih Tat ini asalnya hanya mempunyai satu jenis iaitu berintikan kelapa gula merah. Kini kuih ini telah divariasikan kepada beberapa jenis iaitu berintikan jem nenas, kacang merah dan sebagainya. Kuih Tat ini juga mempunyai pelbagai saiz dan bentuk mengikut permintaannya seperti berbentuk daun, ikan, empat segi dan sebagainya. Hiasan dan ukiran dibuat satu demi satu dengan teliti tanpa menggunakan acuan pada bahagian atas kuih tersebut.



Gambar 4: Menunjukkan proses pembuatan kuih Tat Bengkulu



### **Permainan Tradisional Masyarakat Bengkulu Di Malaysia**

Menurut Rahim (2020), antara permainan tradisional masyarakat Bengkulu di Malaysia ialah gasing. Permainan ini mempunyai dua jenis iaitu Gasing Kepala dan Gasing Paku. Gasing Kepala bersaiz lebih besar daripada Gasing Paku. Gasing ini diperbuat daripada kayu yang diambil dari pokok yang mempunyai dahan yang keras dan dipakukan. Permainan gasing ini dimainkan dengan cara melemparkannya di atas tanah di gelanggangnya. Permainan ini juga sering diadakan pertandingan oleh masyarakat Bengkulu ini. Selain itu, Konda- Konda juga merupakan antara permainan tradisional masyarakat Bengkulu di Malaysia. Permainan ini memerlukan dua batang kayu yang berbeza ukuran iaitu 60 cm dan 15 cm dan lubang pada tanah harus dibuat bagi memudahkan songketan kayu dilakukan. Permainan ini dimainkan secara berkumpulan di tempat yang luas seperti padang. Seterusnya permainan tradisional masyarakat Bengkulu di Malaysia ialah batu seremban yang sering dimainkan oleh kanak-kanak perempuan. Permainan tradisional masyarakat Bengkulu di Malaysia ini telah menerima pengaruh daripada masyarakat Melayu.

### **Perkahwinan**

Rahim (2020) menjelaskan pada peringkat awal kemunculan masyarakat Bengkulu di Malaysia pasangan Masyarakat Bengkulu biasanya terdiri daripada masyarakat Bengkulu itu sendiri. Setelah itu, perkahwinan campur mula berlaku, pasangan yang dipilih adalah daripada masyarakat lain. Sebelum perkahwinan diadakan bakal pengantin lelaki digalakkan untuk belajar seni mempertahankan diri seperti silat kerana masyarakat ini menganggap mempelajarinya adalah sesuatu yang penting. Seni silat ini juga adalah salah satu acara yang akan berlangsung semasa majlis tersebut iaitu persembahan silat ini akan dilakukan dihadapan pengantin semasa sesi persandingan. Masyarakat Bengkulu sangat terkenal dengan sifat tolong-menolong. Oleh itu, majlis perkahwinan yang diadakan adalah secara bergotong-royong iaitu secara kerjasama. Tugas-tugas akan dibahagikan mengikut kesesuaian umur dan jantina. Masyarakat yang tinggal berhampiran dengan rumah pengantin akan membawa buah tangan yang diperlukan bagi melangsungkan majlis seperti gula, garam, kelapa, dan sebagainya mengikut kemampuan masing-masing. Kebiasaannya, majlis perkahwinan ini akan diadakan di rumah

pengantin dan berlangsung selama sehari. Antara makanan yang akan dihidangkan kepada tetamu ialah daging yang akan dimasak Kurma, Rendang, Gulai Lemak, Sup dan sebagainya. Khemah khas sebanyak tiga hingga empat akan didirikan dan dihamparkan tikar bagi dijadikan tempat menjamu selera bagi tetamu yang hadir. Sebagai tanda menghormati tetamu yang hadir, makanan yang mencukupi bagi empat orang akan diletakkan didalam satu dulang lalu yang dihantar ke khemah bagi menjamu selera. Pakaian tradisional masyarakat Bengkulu hanya dipakai semasa perkahwinan. Pakaian pengantin perempuan diperbuat daripada kain songket yang dihiasi batu permata dan akan memakai tanjak di atas kepala. Tanjak ini bercorak daun di hujungnya yang berwarna kuning keemasan. Pada awal kemunculan masyarakat Bengkulu ini di Malaysia, masyarakat ini telah menerima pengaruh Melayu iaitu pemakaian baju kebaya yang dipakai oleh kaum wanita. Namun, pada masa kini pakaian tradisional ini tidak lagi popular digayakan oleh masyarakat Bengkulu di Malaysia semasa perkahwinan diadakan.



Gambar 5: Menunjukkan pakaian tradisional masyarakat Bengkulu

### **Ekonomi Masyarakat Bengkulu Di Malaysia**

Menurut Rahim (2020) pada awal penghijrahan masyarakat ini ke Malaysia, masyarakat ini melakukan kegiatan menoreh getah. Pada awalnya pokok getah yang ditanam tidak mendatangkan banyak hasil kerana bakanya yang kurang baik. Namun dengan penanaman semula yang menggunakan teknologi baru menjadikan baka pokok getah ini lebih baik dan mula menunjukkan hasil yang lebih baik. Segelintir masyarakat Bengkulu ini

menjalankan kerja penebangan pokok yang berkayu keras kerana pokok ini mendapat permintaan yang tinggi bagi menghasilkan alat untuk melombong Bijih timah. Selain itu, masyarakat ini juga menjalankan kegiatan peternakan seperti ayam, kambing dan lembu. Tujuan peternakan ini dilakukan adalah bagi keperluan sendiri atau diperdagangkan. Kegiatan pertanian juga dijalankan oleh masyarakat ini. Kegiatan ini dijalankan secara tradisional dan jauh daripada kawasan rumah. Kawasan pertanian yang dipilih biasanya mempunyai sungai bagi mendapatkan kemudahan air bagi tujuan pertanian. Sebelum memulakan penanaman, kawasan tersebut akan diterangkan. Pokok yang besar akan ditebang menggunakan alatan Beliung kerana matanya yang tajam dapat membantu proses penebangan pokok. Antara tanaman yang ditanam ialah sayur Asin, Jagung, Keledek, Terung, Keladi, Padi dan sebagainya. Padi yang ditanam adalah Padi Huma yang ditanam diatas bukit. Hasil pertanian ini akan dijual di pasar bagi menampung keperluan hidup. Pada masa kini, kebanyakan masyarakat ini telah berhijrah ke bandar untuk mendapatkan kerja yang lebih baik. Kebanyakan masyarakat ini juga telah mendapatkan pendidikan tinggi dan bekerja di sektor awam dan swasta.

### **Persatuan Dan Cabaran Masyarakat Bengkulu Di Malaysia**

Rahim (2020), masyarakat Bengkulu di Malaysia mempunyai persatuannya tersendiri iaitu Persatuan Bengkulu Malaysia. Persatuan ini telah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia atau nama gelarannya ROS. Persatuan Bengkulu Setiap persatuan ini mempunyai ahli jawatankuasa tersendiri. Persatuan ini telah dikecilkan lagi mengikut kawasan seperti di cawangan Behrang dan Selisek, Sungai Choh, Gemas dan lain - lain. Persatuan Bengkulu Malaysia cawangan Behrang dan Selisek telah ditubuhkan pada tahun 2010. Antara aktiviti yang dijalankan ialah sambutan perayaan, sukan, pertandingan memancing, sambutan Maulidur Rasul, memberikan sumbangan kepada yang memerlukan, gotong-royong dan sebagainya. Aktiviti yang dijalankan adalah bertujuan merapatkan hubungan silaturrahim diantara satu sama lain.

Rahim (2020) menyatakan antara cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Bengkulu dalam mengekalkan budaya dalam masyarakat ini ialah segelintir masyarakat ini kurang berminat untuk meneruskan budaya ini. Selain itu, segelintir generasi muda tidak mahu mengenali masyarakat ini. Tambahan

lagi, faktor kawasan setempat juga telah mempengaruhi cara hidup dan budaya masyarakat ini. Selain itu, semangat perkauman masyarakat ini telah mula luntur. Oleh itu, masyarakat ini berharap agar nama kaum Bengkulu ini terus dikenali di Malaysia.



Gambar 6: menunjukkan ahli Persatuan Bengkulu Malaysia

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, kajian ini sangat penting untuk dijalankan kerana tidak banyak kajian mengenai masyarakat Bengkulu ini terutama di Malaysia. Di samping itu, kajian ini juga penting untuk menyingkap budaya dan adat masyarakat walaupun masyarakat Bengkulu ini tidak begitu dikenali di Negara kita. Seterusnya, walaupun masyarakat Bengkulu ini merupakan masyarakat minoriti, oleh yang demikian kajian ini dijalankan untuk membantu pengkaji-pengkaji diluar sana sebagai rujukan untuk mengenali dengan lebih mendalam dengan masyarakat ini. Tambahan pula, walaupun masyarakat Bengkulu ini merupakan masyarakat minoriti akan tetapi adat dan budaya yang diamalkan oleh masyarakat ini merupakan sesuatu yang sangat bernilai dan patut diketahui oleh masyarakat Malaysia.

## RUJUKAN

- Astro Awani. (2019). Bukan sebarang tat, kenali kuih tat kebanggaan masyarakat Bengkulu. Diakses pada 16 Disember 2020 dari <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/bukan-sebarang-tat-kenali-kuih-tat-keba nggaan-masyarakat-bengkulu-199392>
- Desti Nopita Sari, Hasnul Fikri dan Syofiani. (2015). Kalimat Emosional Dialek Bintuhan Kabupaten Kaur Provinsi Bengkulu: Suatu Tinjauan Dari Segi Kesantunan Berbahasa. Universitas Bung Hatta Padang. Diakses pada 13 Disember 2020 dari <https://www.ejurnal.bunghatta.ac.id/index.php/JFKIP/article/view/5243/4436>
- Herlambang. (2012). Membangun asas-asas peradilan adat. Kanun Jurnal Ilmu Hukum. Diakses pada 15 Disember 2020 dari <http://www.jurnal.unsyiah.ac.id/kanun/article/download/6201/5097>
- Januario, R. (2019). Kehidupan Sosial Keagamaan Bengkulu Masa Pendudukan Jepang Tahun 1942-1945 (Doctoral dissertation, IAIN BENGKULU). Diakses pada 13 Disember 2020 dari <http://repository.iainbengkulu.ac.id/3859/>
- Nadia Hamid. (2016). Tat Bengkulu bukan kuih sembarangan. Berita Harian. Diakses pada 7 Januari 2021 dari <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/05/149153/tat-bengkulu-bukan-kui h-sembarangan>
- Nipi Antri Yuspita. (2019). Sejarah Dan Kontribusi Kesenian Syarafal Anam Terhadap Tradisi Dan Religiusitas Masyarakat Desa Kelopak Kecamatan Kepahiang Kabupaten Kepahiang. (Doctoral dissertation, IAIN BENGKULU). Diakses pada 16 Disember 2020 dari <http://repository.iainbengkulu.ac.id/3056/1/BAB%20I%20-%20V.pdf>
- Nurcholis, N. (2020). Sejarah Muhammadiyah Dan Pengaruhnya Terhadap Sosial Keagamaan Di Kota Bengkulu Tahun 2000-2015 (Doctoral dissertation, IAIN BENGKULU). Diakses pada 14 Disember 2020 dari <http://repository.iainbengkulu.ac.id/4783/>
- Zainal Abidin Zulcifly. (1999). ESKM Dewan Bahasa Dan Pustaka Jilid 1. Diakses pada 14 Disember 2020.
- Zurifah Nurdin. (2018). Pelestarian Budaya Perkawinan Suku Lembak Di Kota Bengkulu. Fakultas Ushuluddin, Adab dan Dakwah IAIN Bengkulu. Diakses pada 16 Disember 2020 dari [https://www.researchgate.net/publication/335861333 PELESTARIAN BUDAYA PERKAWINAN SUKU LEMBAK DI KOTA BENGKULU Studi Analisis Peman+ Ushul Fiqh](https://www.researchgate.net/publication/335861333_PELESTARIAN_BUDAYA_PERKAWINAN_SUKU_LEMBAK_DI_KOTA_BENGKULU_Studi_Analisis_Peman+ Ushul Fiqh)